

bah

Mahathir - Seliaan

PENYELIAAN TIDAK BERNIAT CAMPURI URUSAN KERAJAAN NEGERI. KATA PM

KOTA KINABALU, 3 April (Bernama) -- Kerajaan Pusat tidak berniat untuk mencampuri urusan pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah yang baru ditubuhkan kira-kira seminggu lepas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kerajaan Pusat tidak mempunyai sebab untuk berbuat demikian.

"Malahan kita akan membantu Kerajaan Negeri ini kerana kini kita telah mempunyai hubungan yang erat dengan mereka," katanya pada persidangan akhbar di akhir lawatan rasmi dua hari ke Sabah.

Ketua Menteri, Tan Sri Sakaran Dandai dan kedua-dua Timbalannya, Datuk Mohamad Salleh Tun Mohamad Said dan Datuk Yong Teck Lee turut hadir pada persidangan akhbar itu.

Dr Mahathir berkata Kerajaan Pusat hanya mahu memastikan penyalahgunaan kuasa seperti yang berlaku semasa pemerintahan tiga Kerajaan Negeri yang lepas tidak berulang. -- Lagi

▼03/04/17-50MST

^CNS7524

U PB 03-04 00121 BH534

bah

Mahathir - Seliaan 2 Kota Kinabalu

"Kita juga bukannya tidak percaya dengan kepimpinan Kerajaan Negeri sekarang tetapi hanya mahu memastikan perbuatan lama itu tidak berulang," katanya.

Semalam, semasa berucap pada perhimpunan dengan rakyat di sini, Dr Mahathir berkata penyeliaan itu perlu bagi memastikan penyalahgunaan kuasa tidak berulang.

Beliau berkata penyeliaan itu juga tidak bertujuan untuk memberi tekanan kepada Kerajaan Negeri sekarang.

"Mereka (Kerajaan Negeri Sabah) hanya akan merasa tertekan jika berniat untuk melakukan sesuatu yang tidak betul, kalau tidak, tak perlulah merasa tertekan," katanya.

Perdana Menteri berkata cadangan Kerajaan Pusat untuk menghantar pasukan audit bagi memeriksa penyata kewangan agensi-agensi Kerajaan Negeri yang tidak kemas adalah bagi kebaikan mereka. -- Lagi

▼03/04/17-53MST

^CNS7525

U PB 03-04 00151 BH535

bah

Mahathir - Seliaan 3 (Akhir) Kota Kinabalu

Katanya tindakan yang bersesuaian akan diambil berdasarkan kepada hasil laporan audit.

Beliau berkata jika perlu, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka yang didapati mempunyai kaitan dengan kepincangan laporan kewangan itu.

Keputusan mengaudit itu dibuat ekoran kenyataan Mohamad Salleh bahawa 11 agensi Kerajaan Negeri gagal mengemukakan laporan kewangan mereka sejak beberapa tahun lepas. Antara agensi itu ialah Yayasan Sabah.

Dr Mahathir berkata Kabinet belum memutuskan pengganti Sakaran yang meletakkan jawatan sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi selepas dilantik menjadi Ketua Menteri.

"Takkanlah kita tidak mahu orang Sabah dalam Kabinet Pusat dan sebenarnya ada kekosongan untuk mereka tetapi kita belum memutuskannya lagi," katanya.

Kekosongan yang satu lagi itu ialah Kementerian Hal Ehwal Sabah selepas bekas menteri berkenaan, Tun Datu Mustapha Datu Harun meletak jawatan awal tahun ini. -- Bernama

ZAA OPP MOK AKD